

## **AMALAN DAN KAEADAH PENGELOUARAN FATWA OLEH JAWATANKUASA FATWA NEGERI KELANTAN: ANALISIS AWAL**

***Practices And Methodology of Issuing Fatwa by the Fatwa Committee of  
Kelantan: Pre-Analysis***

Hisan bin Abdul Halim<sup>i</sup> Azman Abdul Rahman<sup>ii</sup> & Abdul Manan bin Ismail<sup>iii</sup>

<sup>i</sup>Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia Nilai, Negeri Sembilan. hisanabdulhalim@gmail.com

<sup>ii</sup>Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. azman@usim.edu.my

<sup>iii</sup>Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. manan@usim.edu.my

Article Progress

Received:29 June 2019

Revised:15 July 2019

Accepted: 18 December 2019

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Proses pengeluaran fatwa di sesebuah negeri mempunyai peruntukan dalam enakmen negeri yang menjelaskan tentang tatacara pengeluaran fatwa. Persoalan timbul berkaitan wujudnya kepatuhan dan perbezaan dari segi amalan dan kaedah pengeluaran fatwa di Kelantan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk amalan dan kaedah pengeluaran fatwa, proses pewartaan serta bentuk sighah fatwa di negeri Kelantan. Kajian menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen dan temubual separa struktur bersama pihak berautoriti di dalam isu ini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perbezaan dari segi amalan dan kaedah pengeluaran fatwa jika dibandingkan dengan yang tertulis di dalam Enakmen. Meskipun peruntukan hanya mengambil Qaul Muktamad Mazhab Syafie sebagai qaul yang diikuti, namun amalan yang digunakan oleh Jawatankuasa Negeri Kelantan dalam menentukan keputusan fatwa ialah dengan merujuk kepada semua qaul Mazhab Syafie sama ada muktamad maupun sebaliknya terlebih dahulu sebelum mengikut</p>	<p>Processes of issuing fatwa of the states has been cited in the state's enactment that explained the methodology of the issuing fatwa. The questions arises by the existence of obedience and differentiation between the practices and the methodology of issuing fatwa in Kelantan. Hence, the objective of this study is to identify the form of practices and methodology of issuing fatwa, the process of gazetting and sighah of fatwa in Kelantan. This research methodology used qualitative technique which are documents analysis and semi-structured interview with authorities in this issue. The findings show that there are some differences in the practices and method of fatwa production compared to those enumerated in the Enactment. Although the provisions only takes Qaul Mu'tamad Syafie sect as the following qaul, however the practices used by Kelantan Committees in determining of the fatwa decisions is refer to all Qaul from Syafie sect either Mu'tamad or otherwise before adhering to Qaul Hanafi, Maliki and Hambali. The implications of this study is Kelantan Committees should</p>

<p>kepada qaul muktamad Hanafi, Maliki dan Hanbali. Implikasi kajian ini ialah Jawatankuasa Negeri Kelantan perlu mewujudkan satu standard berkaitan pengeluaran fatwa secara khusus dan terperinci supaya fatwa yang diputuskan bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan. Kajian lanjutan boleh dilakukan untuk mengenal pasti standard yang sesuai untuk diaplikasikan di negeri Kelantan.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Amalan, Kaedah, Mazhab Syafie, fatwa, Kelantan.</p>	<p>established standard regarding to issuing fatwa in particular and details so that the decisions of fatwa appropriate to the time, places and situation. Further studies can be made to identify the appropriate standards for application in Kelantan State.</p> <p><b>Keyword(s):</b> Practices, Methodology, Syafie sect, fatwa, Kelantan.</p>
---	---

## PENDAHULUAN

Sejarah Islam membuktikan bahawa tugas mengeluarkan fatwa merupakan suatu tugas yang amat penting. Sewaktu hayat Rasulullah s.a.w, segala jenis permasalahan akan dirujuk terus kepada Baginda yang kemudiannya akan memutuskan atau menyelesaikan permasalahan tersebut dengan bantuan wahyu Allah SWT. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa tugas mengeluarkan fatwa pada masa tersebut belum begitu meluas. Manakala pada era sabahat, sekiranya berlaku permasalahan di kalangan masyarakat, mereka akan berijtihad dengan merujuk kepada al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w terlebih dahulu sebelum memutuskan sesuatu hukum.<sup>1</sup>

Atas dasar peredaran masa dan keadaan, umat Islam semakin jauh dari agama dan kesan kejihilan itu telah mewujudkan kemelut di antara masyarakat tentang agama. Segala masalah yang timbul ini mendorong para ulama bersepakat dalam mengeluarkan fatwa bagi menyelesaikan masalah yang tidak pernah timbul sewaktu pemerintahan Rasulullah s.a.w dan para sahabat serta tidak terdapat dalam al-Quran serta hadith. Oleh itu, fatwa ini dilihat sebagai salah satu mekanisme utama bagi menjelaskan lagi hukum syarak dan penyebaran ajaran Islam yang merangkumi aspek akidah dan syariat.

Imam Ibn Qayyim menganggap bahawa seorang mufti adalah sebagai pemberi khabar tentang ketentuan hukum Allah s.w.t dalam satu-satu perkara melalui ijtihad dan fatwanya. Dalam mukadimah kitabnya, *I'lam a-Muwaqqiin an-Rabbil 'Alamin*, beliau berkata, "Apabila tandatangan seorang raja dan persetujuannya tentang sesuatu memiliki keistimewaan dan kemuliaan yang tidak dinafikan, apatah lagi tandatangan dan persetujuan Rab al-'Alamin, penguasa langit dan bumi."<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Ibn 'Abidin. 1325H. *Majmu'ah Rasa'il Ibn Abidin*. Juzuk 1. t.c. Beirut: t.p., hlm. 10. Louis Ma'luf. 1952. *Al-Munjid*. Cetakan 19. Beirut: t.p., hlm. 598.

<sup>2</sup>Shamsuddin Abi Abdullah Muhammad bin Abi Bakar al-Ma'ruf Ibn Qayyim al-Jauziyyah. 1955. *I'lam al-Muwaqqiin an-Rabbil 'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Jilid 1, Hal 2.

Ini membuktikan betapa pentingnya kewujudan institusi fatwa di sesebuah negeri kerana ia merupakan badan berautoriti dalam menjawab segala persoalan agama yang timbul di kalangan masyarakat. Fatwa bukan sahaja menjadi pembimbing kepada rakyat dan masyarakat, malah juga panduan kepada pemerintah.

Sungguhpun tatacara pengeluaran fatwa telah diperuntukkan melalui enakmen, namun terdapat perbezaan di antara peruntukan undang-undang tersebut dengan amalan. Oleh yang demikian tajuk ini cuba untuk mengenalpasti amalan dan kaedah pengeluaran fatwa di negeri Kelantan melalui perbandingan peruntukan di dalam enakmen dengan data yang diperoleh menerusi kaedah temubual bersama Peserta Kajian seterusnya memberikan beberapa cadangan untuk memperkasa dan penambahbaikan proses pengeluaran fatwa di negeri Kelantan.

## KAJIAN LEPAS

Secara umumnya, kajian fatwa dan kaedah pengeluaran fatwa telah dibincangkan oleh para ulama terdahulu. Namun demikian, penulisan khusus yang menyentuh kaedah pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan Kebangsaan di Malaysia masih memerlukan kepada kajian lanjut yang lebih komprehensif. Antara penyelidikan dan penulisan yang membincangkan tentang isu-isu berkaitan garis panduan, metodologi dan kaedah pengeluaran secara teori dan sebahagian kecil metodologi fatwa di Malaysia ialah:

Buku bertajuk "*Fatwa Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia*" yang ditulis oleh Farahwahida Mohd Yusof (2011) membincangkan isu yang berkaitan dengan institusi fatwa di Malaysia sama ada Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Majlis Fatwa Kebangsaan. Buku ini memfokuskan kepada kajian keberkesanannya fatwa menangani ajaran sesat dan pengukuhan institusi fatwa dalam mengekang ajaran sesat. Fokus penulis adalah isu yang berkaitan dengan ajaran sesat. Penulis tidak membincangkan tentang amalan atau kaedah pengeluaran fatwa di negeri Kelantan yang menjadi fokus dalam kajian yang akan dijalankan nanti.

Tesis doktor falsafah bertajuk "*al-Fatawa al-Shariyyah wa Ishkaliyyat al-Thabat wa al-Taghayyur: Dirasat Tatbiqiyyah fi al-Waqi' al-Maliziyy*" oleh Irwan Mohd Subri (2011). Ia membincangkan isu perubahan hukum dan fatwa dengan fokus kajian terhadap beberapa keputusan fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan dan badan fatwa terpilih di peringkat negeri di Malaysia. Tesis ini hanya memberi fokus terhadap satu *dawabit* fatwa sahaja dan tidak melihat aspek-aspek lain yang ingin dikaji oleh penyelidik.

Buku tulisan Khalid bin Hamad al-Kharif (2008) yang bertajuk "*al-Fatwa bi Ghayr 'Ilm wa Atharuha Fi al-Ummah*" membincangkan tentang pengertian fatwa, mufti dan proses mengeluarkan fatwa. Buku yang mengandungi 15 fasal ini menjelaskan secara teperinci tentang kedudukan fatwa dalam Islam berdasarkan penjelasan al-Quran dan Sunnah. Penulis secara tegas menerangkan tentang

bahaya mengeluarkan fatwa tanpa kajian yang mendalam kerana kesannya amat negatif kepada Islam itu sendiri, kepada institusi ulama, ummah, dan keseluruhan umat Islam. Namun, apa yang jelas buku ini tidak membincangkan tentang metodologi fatwa secara langsung dan terperinci, bahkan penulis hanya menyebutkan secara ringkas semasa membahaskan masalah-masalah yang disebutkan.

Buku "*Manhajiyat al-Ifta' Fi al-Fiqh al-Islamiyy*" oleh Abdul Samat Musa dan Muhammad Syarif Basyir al-Syarif (2008) merupakan himpunan kertas kerja seminar kebangsaan berkenaan metodologi mengeluarkan fatwa yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Buku ini mengandungi 4 topik asas berkaitan dengan metodologi pengeluaran fatwa. Pertama: Metodologi mengeluarkan fatwa di sisi mazhab empat. Kedua: Metodologi mengeluarkan fatwa di sisi ahli Fiqh Salaf. Ketiga: Metodologi mengeluarkan fatwa di sisi ahli fiqh kontemporari. Keempat: Metodologi mengeluarkan fatwa di sisi badan dan institusi fatwa.

Antara kertas kerja yang terpenting dalam buku ini ialah "*Metodologi Fatwa di sisi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*" yang ditulis oleh Dato' Haji Mustafa bin Abdul Rahman, ia membahaskan tentang metodologi yang diikuti oleh Jawatankuasa, keanggotaan Jawatankuasa dan proses pengeluaran fatwa. Secara amat ringkas ia menyatakan tentang metodologi fatwa yang diikuti Jawatankuasa tersebut iaitu yang bersandarkan kepada al-Quran, sunnah, ijmak, qiyas, *aqwal al-sahabah wa al-tabi'in wa a'imma al-madhabib*, *al-masalih al-mursalah*, *al-'urf*, *al-istishab*, *sadd al-zara'i* dan *al-istihsan*. Tulisan ini tidak menyebut langsung tentang garis panduan mengeluarkan fatwa secara teratur sebagai asas utama yang mesti diikuti oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Ia juga tidak menjelaskan tentang tahap kepatuhan Jawatankuasa terhadap asas tersebut dan masalah keanggotaan Majlis dari sudut kepakaran, kelayakan dan kaedah kajian yang digunakan. Ia juga tidak menyentuh perihal metodologi fatwa di peringkat negeri.

Qutb Mustafa Sanu (2008) dalam bukunya "*Sina'ah al-Fatwa: Qira'ah Hadi'ah fi Adawatiha wa Adabiha wa Dawabitihha wa Tanzimiha fi Daw' al-Waqi' al-Mu'asir*" menggunakan istilah *sina'ah* (pembuatan) dalam mengeluarkan fatwa dan hubungannya dengan ijihad, penghakiman dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya serta kepentingannya. Buku ini juga mendedahkan tentang "*qira'ah naqdiyyah muta'anniyah*" (bacaan secara kritikal yang mendalam dan terperinci) yang berasaskan penulisan-penulisan Usul Fiqh daripada para ulama terdahulu dan masa kini dengan menjelaskan secara terperinci adab-adab, garis panduan dan susunannya berdasarkan realiti semasa.

Garis panduan ini sebenarnya dapat menjelaskan perbezaan tentang perkara-perkara *al-thawabit* (tidak berubah) dan *al-mutaghayyirat* (berubah) dalam syariat Islam. Buku ini boleh dianggap sebagai yang terbaik dalam membicarakan isu-isu fatwa secara jelas dan terperinci. Dalam masa yang sama juga ia amat jelas dalam pembahagian topik. Namun, ia tidak membicarakan tentang kaedah

pengeluaran fatwa di negeri Kelantan, dan ini akan memberi peluang kepada penyelidik untuk menggali perkara ini secara mendalam.

Buku yang bertajuk “*Institusi Fatwa Dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Sembilan*” oleh Zulkifli Mohamad al-Bakri (2008) membincangkan tentang Sejarah Negeri Sembilan dan Enakmen Fatwa serta Mufti. Buku ini turut menghuraikan tentang perlantikan mufti, fatwa, bentuk fatwa, pindaan dan kedudukan fatwa serta jawatankuasa syariah. Buku ini lebih dalam bentuk teknikal tentang institusi fatwa di Negeri Sembilan. Maka kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji amat perlu kerana kurangnya aspek perbincangan yang khusus berkaitan amalan dan kaedah pengeluaran fatwa.

Wahbah al-Zuhayliyy (2007) dalam bukunya “*Mausu‘at al-Fiqh al-Islamiyy al-Mu‘asir*” menjelaskan tentang garis panduan mengeluarkan fatwa bagi isu-isu semasa. Penulis telah menyenaraikan sepuluh garis panduan utama, iaitu: meraikan keperluan dan darurat, meraikan maslahah(kepentingan), meraikan uruf dan adat, menghindari kerosakan dan menjauhi mudarat, meraikan kepincangan umat, meraikan situasi-situasi perkembangan semasa, dan iltizam kepada asas-asas keadilan. Namun, penulis tidak mengulas secara terperinci tentang garis panduan yang diikuti, tahap kepatuhan badan fatwa terhadap garis panduan tersebut, isu keanggotaan dalam badan fatwa sama ada di Malaysia atau negara lain.

Buku “*Fatwa di Malaysia*” yang disunting oleh Ahmad Hidayat Buang (2004) membincangkan perkara-perkara seperti perundangan dan penguatkuasaan fatwa, pentadbiran jabatan mufti, personel jabatan mufti, penyediaan dan pengeluaran fatwa, bentuk dan statistik fatwa. Penulis-penulis dalam buku ini juga menghuraikan isu yang berkaitan dengan fatwa dan masyarakat, analisis fatwa-fatwa syariah di Malaysia, analisis fatwa-fatwa usuluddin dan pengaruh adat tempatan dalam menentukan fatwa di Malaysia. Masih terdapat ruang yang perlu dikaji khususnya yang berkaitan dengan amalan dan kaedah pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Kebangsaan. Kajian ini amat penting kerana ia akan menjadi panduan kepada semua yang terlibat dengan fatwa ataupun masyarakat dalam mengetahui budaya fatwa di negeri Kelantan.

Setelah diteliti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, didapati tidak terdapat kajian khusus terhadap amalan dan kaedah pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa negeri Kelantan. Ini secara langsung memerlukan kepada satu kajian terperinci, terutamanya perbincangan dari sudut kaedah dan metodologi untuk melihat budaya pengeluaran fatwa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif yang merujuk kepada metod kajian yang menggunakan data selain daripada angka atau bilangan, sebaliknya ia menggunakan fakta, maklumat, ulasan, pernyataan, maksud, konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi dan seumpamanya (Idris Awang,2001).

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur (semi structured interviews) yang mana soalan yang dikemukakan kepada Peserta Kajian (PK) disusun dan ditentukan tetapi PK diberi kelonggaran semasa memberi jawapan dan ia boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan PK (Othman Lebar,2007). Temubual ini telah memilih 5 orang PK yang dipilih secara sampel bertujuan (purposive sampling) bersama Sohibus Samahah Dato' Mufti negeri Kelantan serta beberapa ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa negeri Kelantan yang mempunyai kaitan langsung dengan kaedah dan pengamalan pengeluaran fatwa di negeri Kelantan.

KOD	NAMA	JAWATAN
M3	SS Dato' Haji Muhamad Shukri bin Muhamad	Mufti Negeri Kelantan
JFD1	Y.Bhg Dato' Haji Nik Abdul Kadir bin Nik Mohamad	Timbalan Mufti Majlis Jemaah <i>Ulama</i> Negeri Kelantan
JFD2	Prof. Madya Dr. Haji Muhammad Kamil bin Haji Abdul Majid	Ahli Jawatankuasa Majlis Jemaah <i>Ulama</i> Negeri Kelantan
JFD3	Dr. Luqman bin Abdullah	Ahli Jawatankuasa Majlis Jemaah <i>Ulama</i> Negeri Kelantan
JFD4	Tuan Haji Saibon Bin Ismail	Pegawai Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Kelantan

Jadual 1.0 Demografi Peserta Kajian

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat, didapati bahawa isu-isu yang dibawa ke dalam mesyuarat Jamaah Ulama terdiri daripada isu yang ditanya oleh Baginda Al-Sultan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Majlis) termasuk Jabatan Agama Islam Kelantan, pihak pentadbiran kerajaan negeri dan juga syarikat-syarikat serta individu. Walau bagaimanapun, bukan semua isu yang dibawa memerlukan kepada fatwa khususnya yang datang daripada individu. Ini adalah kerana, kebanyakan soalan yang ditanya merupakan soalan-soalan lazim yang boleh dijawab secara spontan oleh mufti atau timbalan mufti atau pegawai fatwa atau pegawai falak.

Selain itu juga, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut mengemukakan kertas kerja yang telah diluluskan di peringkat kebangsaan untuk pertimbangan Jamaah Ulama. Isu-isu yang mempunyai kepentingan umum akan dibincangkan dan keputusan akan dibuat dalam bentuk fatwa. Namun, ia perlu dihantar ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan untuk pengesahan. Bagi maksud pewartaan, fatwa berkenaan perlu disemak terlebih

dahulu oleh penasihat undang-undang. Jika ada pembetulan kepada sighah fatwa, ia perlu di hantar semula kepada Jamaah Ulama dan Majlis seterusnya di persembahkan kepada Sultan untuk diperkenankan oleh Baginda.

Selain daripada Enakmen, tiada garis panduan khusus dalam pengeluaran fatwa di negeri Kelantan tetapi mengikut amalannya, sesuatu isu itu akan dibawa kepada setiausaha Majlis yang akan melaporkannya kepada setiausaha Jamaah Ulama. Kemudian satu kertas kerja akan disediakan oleh sama ada pegawai fatwa atau setiausaha atau ahli Jamaah Ulama atau Mufti sendiri. Jika isu tersebut berkaitan bidang lain seperti sains dan perubatan, pakar dalam bidang itu akan dilantik untuk membuat penyelidikan seterusnya membentangkan hasil kajian kepada Jamaah Ulama.

Hasil analisis juga mendapati bahawa, selain daripada peruntukan Enakmen yang mewajibkan mereka merujuk kepada qaul muktamad mazhab Syafie, ahli-ahli Jamaah Ulama lebih cenderung merujuk dan menggunakan pakai pandangan dalam mazhab Syafie terlebih dahulu tanpa mengira pandangan itu adalah *azhar*, *zahir*, *asah*, *sahih* atau *daif*. Ini adalah kerana mereka lebih melihat kesesuaian hukum tersebut kepada masyarakat. Selain itu mereka berpandangan walaupun sesuatu pandangan itu *daif* dalam mazhab Syafie, kemungkinan muktamad atau *sahih* dalam mazhab yang lain.

Dalam keadaan tertentu, Jamaah Ulama boleh berpindah kepada mazhab-mazhab muktabar yang lain hanya apabila tiada pandangan mazhab Syafie dalam isu yang dibincangkan atau pandangan yang sedia ada tidak sesuai dengan kemaslahatan umum. Dari segi keputusan Jamaah Ulama, mereka lebih mengutamakan keputusan jamaie. Jika ada perbezaan pendapat, mesyuarat akat ditangguhkan untuk memberi peluang kepada semua ahli membuat kajian lanjut sehingga mencapai keputusan bersama. Jika masih belum selesai, Jamaah Ulama tidak akan mengeluarkan apa-apa keputusan dan kadang-kadang menyerahkan isu itu kepada hakim untuk membuat keputusan jika melibatkan kes di mahkamah.

Dari segi pewartaan, apabila Jamaah Ulama selesai membincangkan isu tertentu dan mencapai kata sepakat, kadang-kadang mereka akan mencadangkan fatwa itu diwartakan. Oleh itu, ia perlu diserahkan kepada Majlis untuk disahkan dan disemak oleh penasihat undang-undang seterusnya di persembahkan kepada Baginda Sultan untuk mendapat perkenan. Kebiasaananya fatwa yang hendak diwartakan adalah yang melibatkan kepentingan masyarakat keseluruhannya bukan untuk tujuan komersil dan sebagainya.

Tiada garis panduan khusus untuk penulisan sighah tetapi secara amalannya ia dideraskan oleh setiausaha atau pegawai fatwa bagi isu dalam negeri Kelantan. Jika isu nasional, Jamaah Ulama akan merujuk kepada kertas kerja yang telah disediakan oleh JAKIM. Semakan dan pembetulan akan dibuat oleh ahli-ahli Jamaah Ulama ketika mesyuarat berlangsung. Bentuk sighah yang digunakan adalah pelbagai mengikut kesesuaian isu, tetapi fatwa hendaklah ditulis dalam tulisan jawi.

## PERBINCANGAN

### Amalan dan Kaedah Pengeluaran Fatwa Negeri Kelantan

Kaedah pengeluaran fatwa bagi setiap negeri telah tertulis dalam enakmen negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, peruntukan yang tertulis di dalam enakmen-enakmen tersebut adalah bersifat umum dan bukanlah secara terperinci. Enakmen berkaitan fatwa yang digunakan di negeri Kelantan ialah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (selepas ini dirujuk sebagai Enakmen bagi maksud bab ini).

Seksyen 36 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 menyebut:

*“Mana-mana orang dengan secara bertulis, boleh meminta Majlis mengeluarkan fatwa tentang apa-apa masalah mengenai Hukum Syarak atau Adat Istiadat Melayu Kelantan, dan apabila permintaan seumpama itu diterima, Setiausaha hendaklah segera mengedarkannya kepada Pengerusi Jamaah Ulama”.*

Walaupun begitu, Pengerusi Jamaah Ulama iaitu Mufti mesti membincangkan suatu fatwa yang hendak dikeluarkan bersama ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri. Ini kerana Subseksyen (2), dan (4) daripada Seksyen 36 menyebut:

(2) *“Jamaah Ulama’ hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan itu dan hendaklah, melainkan pada fikirannya masalah yang dikemukakan itu adalah tidak munasabah dan kerana sebab-sebab tertentu tidak patut diberi jawapan, menyediakan satu draf fatwa baginya, dan jika draf fatwa itu dipersetujui, sama ada dengan sebulat suara atau dengan suara yang terbanyak, maka pengerusi, bagi pihak dan dengan nama Majlis, hendaklah mengeluarkan fatwa”.*

(4) *“Jamaah Ulama’ boleh, atas daya usahanya sendiri, pada bila-bila masa, membuat dan mengisytiharkan apa-apa fatwa bagi pihak dan atas nama Majlis”.*

Berdasarkan kepada temubual yang dijalankan, didapati bahawa soalan-soalan berkaitan agama Islam kebiasaannya dikemukakan kepada Mufti dan Jabatan Mufti oleh pihak-pihak berikut:

- i. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan.
- ii. Pihak pentadbiran agama Islam negeri dan pentadbiran negeri.
- iii. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- iv. Syarikat dan Individu.

Menurut PK (M3), kebiasaannya soalan yang hendak ditanya akan dialamatkan kepada setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Seterusnya soalan itu akan dimaklumkan kepada setiausaha Jamaah Ulama untuk dibincangkan. Setelah keputusan dicapai fatwa akan dibawa semula ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Jika hendak diwartakan fatwa itu akan dihantar ke penasihat undang-undang untuk semakan. Proses akhir adalah untuk mendapatkan perkenan Tuanku Sultan. PK (JFD3) dan (JFD1) menyatakan bahawa terdapat juga isu yang telah diputuskan di peringkat

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dibawa ke negeri untuk digunakanapakai.

Manakala, PK (**M3**) dan (**JFD1**) menjelaskan bahawa bagi soalan yang ditanya oleh orang awam, jawapan boleh diberi kepada mereka dalam bentuk spontan kerana kebanyakannya soalan yang ditanya telah pun ada jawapannya dalam kitab-kitab muktabar. PK (**JFD4**) menyatakan, soalan seumpama ini dikenali sebagai Irsyad Hukum dan ia boleh dijawab oleh Mufti, timbalan mufti, pegawai fatwa dan pegawai falak. Jika soalan tersebut melibatkan kepentingan umum barulah ia akan dibincangkan dalam mesyuarat Jamaah Ulama untuk dipertimbangkan seterusnya dijadikan fatwa. Walaubagaimanapun, menurut PK (**JFD5**), Jamaah Ulama boleh untuk tidak menjawab soalan tersebut sekiranya dirasakan tidak perlu.

Walaupun tiada peruntukan khusus dalam Enakmen berkenaan kaedah penyediaan kertas kerja, PK (**M3**) menyatakan bahawa, amalan yang biasa dilakukan di negeri Kelantan, isu-isu yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Jamaah Ulama akan dikaji terlebih dahulu dan dilengkapkan dalam bentuk kertas kerja. Bagi isu yang telah pun diputuskan oleh pihak Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, Jamaah Ulama akan meneliti kertas kerja yang telah disediakan oleh JAKIM. Isu-isu yang datang dari dalam negeri Kelantan, kertas kerja akan disediakan oleh mana-mana ahli Jamaah Ulama yang diarahkan oleh mufti. Jika isunya tidak terlalu rumit (**JFD4**), kertas kerja akan dibuat oleh setiausaha Jamaah Ulama dan dibantu oleh pegawai fatwa iaitu pegawai istinbat (**JFD3**) yang berfungsi sebagai pegawai penyelidik (**JFD2**). PK (**M3**) dan (**JFD3**) menjelaskan jika isu-isu perlu kepada pandangan dalam bidang-bidang tertentu, pakar dalam bidang tersebut akan dilantik untuk menyediakan kertas kerja dan membentangkannya dalam mesyuarat. PK (**M3**) menyatakan biasanya jawatankuasa akan memanggil dua orang pakar.

PK(**JFD3**), (**JFD4**) dan (**JFD5**) menyatakan bahawa selain Enakmen tiada garis panduan bertulis lain yang digunakan sebagai rujukan dalam pengeluaraan fatwa.

Seksyen 37 (1) menyebut:

“(1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36, Majlis atau Jamaah Ulama’ hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie”.

Seksyen 37 (2) menyebut:

“(2) Jika Majlis atau Jamaah Ulama’ berpendapat bahawa qaul yang muktamad dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jamaah Ulama’ bolehlah dengan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengikut qaul dari mana-mana Mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka qaul Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah diikut”.

Pada pandangan PK (**JFD1**) dan (**JFD3**) qaul muktamad mazhab Syafie adalah qaul yang tidak diambil daripada qauldaif. Oleh yang demikian PK (**M3**), (**JFD1**) dan (**JFD2**) menyatakan, Jamaah Ulama seberapa boleh akan menghormati

pandangan ulama Syafie terlebih dahulu dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Walaupun pandangan yang disepakati dalam Mazhab Syafie lebih diutamakan, namun PK (**M3**), (**JFD1**), (**JFD2**), (**JFD3**), (**JFD4**) dan (**JFD5**) bersepakat Jamaah Ulama juga menerima pandangan yang *marjuh* dalam mazhab Syafie asalkan penyelesaian masalah tersebut boleh ditemui dalam mazhab Syafie.

PK (**JFD1**), (**JFD2**), (**JFD3**), (**JFD4**), dan (**JFD5**) menyatakan kebiasaanya ahli-ahli Jamaah Ulama akan merujuk kepada kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syafie seperti:

- i. *Bughyat al-Mustarshidin*.
- ii. *Al-Majmu<sup>c</sup>*.
- iii. *Tuhfat al-Muhtaj*.
- iv. *Nihayat al-Muhtaj*.
- v. *Mughniyy al-Muhtaj*.
- vi. *Al-Iqna<sup>c</sup>*.
- vii. *Al-Muhadhdhab*.
- viii. *I'anat al-Talibin*.

Selain itu juga, kitab-kitab berikut juga turut dirujuk:

- i. *Al-Fataawa 'Ala Madhahib Arba'ah*.
- ii. Kitab baru seperti *al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*.
- iii. Kitab-kitab jawi.

Apabila didapati pandangan-pandangan dalam mazhab Syafie tidak bersesuaian dan bercanggah dengan kepentingan umum, PK (**M3**) (**JFD1**) (**JFD2**) (**JFD3**) dan (**JFD4**) menyatakan mereka akan melihat dalam mazhab yang lain tanpa mengambil kira tertib tertentu. PK (**JFD1**) berpandangan mazhab-mazhab tersebut adalah setara, PK (**JFD3**) berpendapat ia selari dengan kepentingan umum dan PK (**JFD4**) berkata pandangan yang diambil sesuai dengan isu yang hendak diselesaikan.

Menurut PK (**M3**), (**JFD1**) dan (**JFD4**) setakat ini Jamaah Ulama tidak pernah menggunakan ijihad sendiri dalam memutuskan sesuatu fatwa (**JFD3**) kecuali dalam isu perubatan. Manakala (**JFD2**) berpandangan jika tiada nas (pandangan) dalam kitab ahli-ahli akan memberi pandangan masing-masing.

Menurut PK (**M3**) (**JFD1**) (**JFD2**) (**JFD3**) dan (**JFD5**), Keputusan Jamaah Ulama biasanya dibuat secara jamaie dan PK (**JFD1**) menyatakan jalan tengah biasanya dibuat dalam membuat keputusan. Biasanya jika masih berlaku perbezaan pandangan, PK (**M3**) dan (**JFD4**) menyatakan, mesyuarat akan ditangguhkan untuk memberi masa kepada ahli tersebut membuat pertimbangan. Adakalanya Jemaah Ulama tidak mengeluarkan sebarang keputusan tentang isu tersebut dan menyerahkannya kepada mahkamah untuk membuat keputusan.

Satu perkara yang agak menarik adalah Seksyen 36 (3) memperuntukkan antara lain, jika Jamaah Ulama tidak dapat menyelesaikan masalah yang dirujuk kepadanya, mengikut cara yang diperuntukkan oleh Seksyen 36 (2), iaitu tidak mencapai kesepakatan di kalangan ahli Jamaah Ulama, masalah itu akan di rujuk kepada Majlis (yakni Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan).

Kemudian, Majlis akan membuat keputusan dan mengeluarkan fatwa mengikut pandangan Mufti. Selain itu juga, Majlis boleh merujuk masalah ini kepada Baginda Al-Sultan untuk penentuan. Walaubagaimanapun, peruntukan ini hanya terpakai untuk sebab-sebab khas sahaja.

Seksyen 36 (3) menyebut:

(3) *“Jika masalah yang dikemukakan itu tidak dapat diselesaikan dengan fatwa mengikut cara-cara di bawah subseksyen (2), maka Jamaah Ulama’ hendaklah merujukkan masalah tersebut kepada Majlis yang akan mengeluarkan fatwanya dengan berpandukan kepada pandangan dan pendapat Mufti:*

*Dengan syarat, bahawa dengan sebab-sebab khusus, mana-mana masalah bolehlah disembahkan oleh Majlis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan untuk mendapat penentuan Baginda”.*

### **Proses Pewartaan Fatwa di Negeri Kelantan**

Pewartaan sesuatu isu fatwa adalah sangat penting untuk mengikat dan menjaga keharmonian kefahaman masyarakat terhadap agama. Di Malaysia, proses pewartaan itu boleh dilakukan oleh setiap negeri dan hasil fatwa yang diwartakan itu mengikat masyarakat dalam negeri masing-masing. Kenyataan ini tertulis di dalam Enakmen negeri masing-masing.

Seksyen 39 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 menyebut:

*“Mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Jamaah Ulama’ atau apa-apa keputusan mengenai masalah yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan seperti yang dimaksudkan di bawah seksyen 36 (3), jika diperintahkan oleh Baginda, hendaklah diwartakan”.*

Peruntukan di atas secara jelasnya menyatakan bahawa fatwa akan hanya diwartakan selepas diperintahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Mengikut amalan dalam Jamaah Ulama, PK(M3) dan (JFD4) menyatakan bahawa badan ini boleh membuat keputusan sama ada hendak mewartakan fatwa yang dibuat atau tidak. PK(JFD2) berpandangan jabatan mufti yang bertanggungjawab membuat keputusan tersebut. Manakala, PK(JFD3) pula berpendapat, perkara tersebut berada di bawah kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jamaah Ulama hanya mengeluarkan hukum sahaja. Walau apapun, keputusan akhir mestilah mendapat perkenan daripada baginda Sultan berdasarkan peruntukan di atas.

Dari sudut perundangan, fatwa yang tidak diwartakan tidak boleh dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa, tetapi, menurut PK(M3) (JFD1) (JFD2) (JFD3) dan (JFD4) dari sudut hukum Syarak ia tetap dianggap sebagai fatwa. Sebaliknya (JFD5) menyatakan, merujuk kepada seksyen 39 nakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, fatwa yang tidak diwartakan dianggap sebagai keputusan mesyuarat, namun dia tetap bersetuju bahawa fatwa adalah sebahagian daripada hukum Syarak.

Menurut PK(**JFD1**) dan (**JKD2**), kebanyakan fatwa yang diputuskan adalah seimbang antara isu akidah, fiqh, dan isu-isu baru. Namun, berdasarkan pengetahuan PK(**JFD4**) menyatakan, fatwa berkenaan akidah banyak diputuskan pada zaman dahulu tetapi kebelakangan ini fatwa berkenaan fiqh lebih banyak yang diputuskan di negeri Kelantan.

### **Penulisan Sighah Fatwa di negeri Kelantan**

Tiada peruntukan yang wujud didalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 yang menyatakan tentang bentuk sighah sewaktu pengeluaran sesuatu fatwa.

Walaupun tiada peruntukan khusus berkenaan dengan sighah dalam Enakmen negeri Kelantan, PK(**M3**) mengatakan, secara amalannya sighah di rangka oleh Jamaah Ulama secara sepakat. Sebelum di bawa ke mesyuarat Jamaah Ulama, PK(**JFD1**), (**JFD2**) dan (**JFD4**) menyatakan, sighah akan dirangka terlebih dahulu oleh setiausaha/urusetia, kemudian sighah itu akan disemak semula oleh ahli-ahli dalam mesyuarat Jamaah Ulama. Sekiranya ada isu-isu teknikal ia akan diuruskan oleh Jabatan Mufti. Menurut PK(**JFD4**) lagi, dalam isu yang sama, Jamaah Ulama juga ada merujuk kepada sighah fatwa yang telah diputuskan di negeri-negeri lain.

Sekiranya isu tersebut datang daripada JAKIM, PK(**M3**) menjelaskan bahawa, Jamaah Ulama akan melihat sighah yang telah digunakan dalam kertas kerja yang pihak JAKIM sediakan. Seterusnya jika dipersetujui ia akan disahkan oleh Jamaah Ulama. Bagi maksud pewartaan, sighah itu akan dihantar kepada Penasihat Undang-undang. Jika ada teguran, ia akan diperbetulkan semula dalam mesyuarat Jamaah Ulama.

Bentuk sighah yang digunakan menurut PK(**JFD2**) bukan dalam bentuk hukum tetapi “dibenarkan”, “dibolehkan” lebih kepada memberi panduan. Manakala, PK(**JFD4**) menyatakan, sekiranya sesuatu perbuatan itu boleh dilakukan lafaz “diharuskan” akan digunakan, jika sebaliknya “haram dan memudaratkan”. Bagi ajaran sesat, lafaz yang digunakan adalah “ajaran tersebut adalah menyeleweng” atau “menyeleweng dan meragukan” atau “meragukan” sahaja, tiada lafaz tertentu tetapi bergantung kepada masalah. Kadang-kadang bentuk sighah yang digunakan adalah jelas seperti “wajib”, dan “haram”.

Secara umumnya tiada garis panduan khusus tentang penulisan sighah tetapi menurut PK(**JFD1**) fatwa hendaklah ditulis dalam tulisan jawi, dan juga menggunakan format fatwa sebagaimana yang dibuat dalam fatwa-fatwa sebelum ini. Selain dari itu, terpulang kepada Jamaah Ulama. Manakala PK(**JFD4**) pula menyatakan mereka mengambil panduan daripada JAKIM.

Dalam isu sama ada fatwa perlu disediakan dalam bentuk laporan atau ringkasan, mendapat reaksi yang pelbagai. PK(**M3**) berpendapat, fatwa ada dua bentuk satu dalam bentuk jawapan dan satu lagi huraiyan kepada jawapan tersebut. Huraian boleh dilihat dalam kertas kerja yang disediakan kepada Jamaah Ulama. Walaubagaimanapun, masyarakat awam tidak perlu kepada huraian

memadai jawapan kepada soalan yang ditanya. Huraian hanya boleh dibaca oleh orang yang ada pengetahuan sekiranya alasan-alasan kepada jawapan itu diberi kepada orang yang tiada pengetahuan ia akan membuka kepada pertikaian dan perdebatan.

PK(JFD4) berpandangan masyarakat hanya inginkan jawapan. Jika mereka perlukan huraian perlu minta di Jabatan Mufti kerana terdapat laporan rasmi bagi fatwa yang dikeluarkan. Bagi PK(JFD2) berpandangan fatwa yang diterbitkan terlalu ringkas sehingga orang tidak tahu kenapa sesuatu isu itu dihukumkan begitu. Pandangan ini turut disokong oleh PK(JFD5).

### **Ulasan Umum Peserta Kajian di negeri Kelantan**

Secara umumnya, PK(M3) memberi ulasan berkenaan penyeragaman fatwa di Malaysia boleh berlaku dan sebahagian besarnya telah pun berlaku cuma dalam beberapa isu sahaja. Manakala, PK(JFD1) berpendapat perbezaan kaedah pengeluaran fatwa antara negeri-negeri tidak menjadikan keputusan fatwa berbeza kerana setiap Jawatankuasa fatwa membuat rujukan kepada sumber yang sama.

PK(JFD2) pula berpandangan perlu lebih banyak lagi penerbitan dan penyebaran berkenaan fatwa kepada masyarakat supaya mereka mudah membuat rujukan. PK(JFD3) memberi cadangan supaya jabatan mufti dibekalkan dengan ahli penyelidik yang kompeten untuk membuat penyelidikan. Sekurang-kurangnya mereka mempunyai kelayakan akademik diperingkat sarjana serta asas menjalankan penyelidikan.

PK(JFD4) membuat cadangan supaya produk-produk perbankan Islam perlu difatwakan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan untuk mengelakkan kekeliruan dikalangan orang ramai. PK(JFD5)pula mengulas tentang fatwa-fatwa yang dikeluarkan lebih cenderung menyelesaikan isu-isu yang berlaku di negeri masing-masing sahaja.

## **PENUTUP**

Melalui temubual yang dijalankan, penyelidik mendapati sememangnya ada sedikit perbezaan di antara kaedah yang diperuntukkan dalam enakmen dengan pengamalan ahli Jawatankuasa Fatwa negeri Kelantan dalam proses pengeluaran fatwa. Walaupun ia menunjukkan penerimaan keluasan pandangan dan pendapat, dengan menstruktur satu standard yang lebih terperinci dalam pengeluaran fatwa akan membantu ahli Jawatankuasa Fatwa negeri sebagai rujukan supaya proses pengeluaran fatwa di negeri Kelantan lebih teratur dan sistematik.

Penyelidik berpendapat sekiranya ada langkah pemerkasaan kemahiran di kalangan ahli Jawatankuasa Fatwa negeri seperti mengadakan bengkel, seminar dan kursus proses pengeluaran fatwa akan memberikan impak yang lebih baik kepada hasil pengeluaran fatwa di negeri Kelantan. Cadangan penstrukturkan standard pengeluaran fatwa bagi setiap qaul Mazhab Syafie untuk hukum yang

sedia ada dan standard pengeluaran hukum (usul fiqh) bagi isu-isu yang bersifat kontemporari perlu dilaksanakan.

## RUJUKAN

### Buku

- Ahmad Hidayat Buang, *Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa*, Fatwa di Malaysia, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004, hlm. 97-116.
- Ibn 'Abidin. 1325H. *Majmu'ah Rasa'il Ibn Abidin*. Juzuk 1. t.c. Beirut: t.p., hlm. 10.
- Louis Ma'luf. 1952. *Al-Munjid*. Cetakan 19. Beirut: t.p., hlm. 598.
- Muis Hadi, "Rumitnya Proses Membuat Fatwa", *Dewan Masyarakat*, Jilid 35, Bilangan 11, November 1997, hh. 18-20.
- Shamsuddin Abi Abdullah Muhammad bin Abi Bakar al-Ma'ruf Ibn Qayyim al-Jauziyyah. 1955. *I'lam al-Muwaqqiin an-Rabbil 'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Jilid 1, Hal 2.

### Jurnal

- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Intel Multimedia and Publication, Petaling Jaya, 2001.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, 2007.

### Akta

- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. (Seksyen 33 -39)

Garis Panduan Tatacara Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 2009.

### Internet

<http://www.e-fatwa.gov.my/soalanlazim.asp> (diakses 7 October, 2015).

### Temubual

- Dato' Haji Muhamad Shukri bin Muhamad, Mufti Negeri Kelantan, (Jun 2015, 22).
- Dato' Haji Nik Abdul Kadir Bin Nik Mohamad, Timbalan Mufti Majlis Jemaah Ulama Negeri Kelantan.

Dr. Luqman bin Abdullah, ahli Jawatankuasa Majlis Jemaah Ulama Negeri Kelantan.

Prof. Madya Dr. Haji Muhammad Kamil Bin Haji Abdul Majid, ahli Jawatankuasa Majlis

Jemaah Ulama Negeri Kelantan.

Tuan Haji Saibon Bin Ismail, Pegawai Fatwa Jabatan Mufti Negeri Kelantan.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*